



SIARAN MEDIA

PERMOHONAN PAS MEDIA SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

PUTRAJAYA, 18 Ogos 2023 - Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Media dan Publisiti (JKMP) Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2023 telah membuka permohonan Pas Media sempena sambutan Hari Kebangsaan 2023 yang akan berlangsung di Putrajaya pada 31 Ogos 2023.

Pendaftaran Pas Media tersebut terbuka kepada **tiga** orang pengamal media sahaja bagi setiap agensi. Sehubungan dengan itu, pengamal media yang akan membuat liputan bagi acara tersebut boleh membuat permohonan melalui pautan <https://forms.gle/DAiQMxcxdPtrJnRL9> selewat-lewatnya atau pada **25 Ogos 2023 (Jumaat), 12.00 tengah hari**.

Pengagihan Pas Media tersebut adalah pada **28 dan 29 Ogos 2023** bermula dari **10.00 pagi hingga 3.00 petang** di **Pusat Media Hari Kebangsaan 2023 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya**.

Pengamal media adalah **WAJIB** menggunakan **PAS MEDIA** yang telah dikeluarkan oleh urus setia sepanjang tempoh membuat liputan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung terus dengan **Cik Amirah Ahmad Salim** menerusi talian **010-2420862** atau **Puan Siti Aisah Muharom** menerusi talian **010-2206349**.

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Media dan Publisiti
Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023**